



**JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



# LAPORAN PERANGKAAAN PERUMAHAN 2015



## ISI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>PELESENAN PERUMAHAN SWASTA .....</b>	<b>5</b>
1.1	PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN & JUALAN ....	5
1.2	BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN .....	8
<b>2.0</b>	<b>PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA.....</b>	<b>11</b>
2.1	STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT .....	11
2.2	STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT MENGIKUT NEGERI .....	12
<b>3.0</b>	<b>PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI .....</b>	<b>14</b>
3.1	STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI .....	14
3.2	PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI MENGIKUT NEGERI.....	17
<b>4.0</b>	<b>PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA.....</b>	<b>20</b>
4.1	KOMPAUN .....	20
4.2	PENDAKWAAN .....	23
4.3	SENARAI HITAM.....	24
<b>5.0</b>	<b>SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP) .....</b>	<b>25</b>
5.1	PERMOHONAN DAN KELULUSAN .....	25
5.2	KUTIPAN BAYARAN .....	28
5.3	TUNGGAKAN BAYARAN.....	29
5.4	PELELONGAN .....	31
<b>6.0</b>	<b>PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT .....</b>	<b>32</b>
6.1	STATUS KESELURUHAN .....	32
6.2	PROJEK PPR SIAP - DIMILIKI DAN DISEWA.....	33
6.3	STATUS PENGISIAN PPR DISEWA .....	34
6.4	STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI.....	36

<b>7.0</b>	<b>PENGURUSAN ADUAN .....</b>	<b>38</b>
7.1	BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA .....	38
7.2	JENIS ADUAN PERUMAHAN .....	39
7.3	ADUAN YANG DITERIMA BERKAITAN AKTA 118.....	40
7.4	SALURAN ADUAN YANG DITERIMA .....	41

## **PERUTUSAN KETUA PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, buku Laporan Perangkaan Tahunan 2015, Jabatan Perumahan Negara (JPN) dapat diterbitkan dengan jayanya.



Objektif Laporan Perangkaan Tahunan JPN, antara lain adalah untuk menyampaikan maklumat perangkaan kepada pelbagai pihak mengenai aktiviti perumahan yang dikawal selia oleh JPN. Laporan ini memuatkan data-data penting bagi semua aktiviti JPN sepanjang tahun 2015. Semua maklumat ini dikumpulkan dari bahagian-bahagian dalaman JPN serta daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Adalah menjadi harapan JPN agar Laporan Perangkaan Tahunan 2015 ini dapat memberi panduan dan manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam industri perumahan. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Perangkaan Tahunan 2015 JPN sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Diharapkan segala kerjasama akan berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian dan terima kasih.

**ABDUL RAHIM BIN ISHAK**


**Ketua Pengarah**

**Jabatan Perumahan Negara**

## 1.0 PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

### 1.1 PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN & JUALAN

Carta 1.1 menunjukkan sebanyak 1,631 Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan yang telah dikeluarkan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 48.56% (792) adalah melibatkan pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Baharu dan 51.44% (839) adalah Pembaharuan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan.



**CARTA 1.1: PERATURAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN BAGI TAHUN 2015**

*Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2015*

Jadual 1.1 menunjukkan bilangan pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan bagi tahun 2015. Daripada jadual tersebut, didapati jumlah pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan Dan Permit Iklan dan jualan baharu pada bulan Februari 2015 adalah terendah sepanjang tahun 2015.

BULAN	BAHARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
<b>JANUARI</b>	61	49	<b>110</b>
<b>FEBRUARI</b>	15	32	<b>47</b>
<b>MAC</b>	92	44	<b>136</b>
<b>APRIL</b>	84	77	<b>161</b>
<b>MEI</b>	127	67	<b>194</b>
<b>JUN</b>	87	112	<b>199</b>
<b>JULAI</b>	64	90	<b>154</b>
<b>OGOS</b>	27	122	<b>149</b>
<b>SEPTEMBER</b>	69	90	<b>159</b>
<b>OKTOBER</b>	45	67	<b>112</b>
<b>NOVEMBER</b>	36	68	<b>104</b>
<b>DISEMBER</b>	85	21	<b>106</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>792</b>	<b>839</b>	<b>1,631</b>

**JADUAL 1.1: BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN BAGI TAHUN 2015**

*Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2015*

Jadual 1.2 menunjukkan bilangan pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan dari tahun 2010 hingga 2015. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Baharu yang dikeluarkan pada tahun 2015 menunjukkan pengurangan sebanyak 37.7% berbanding tahun sebelumnya. Bagi Pembaharuan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan pula, penurunan sebanyak 11.7% dicatatkan berbanding tahun 2014.


TAHUN	BAHARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
2010	2,264	1,899	4,163
2011	2,499	1,921	4,420
2012	2,822	2,220	5,042
2013	1,555	2,105	3,660
2014	1,272	950	2,222
2015	792	839	1,631
<b>JUMLAH</b>	<b>11,204</b>	<b>9,934</b>	<b>21,138</b>

**JADUAL 1.2: BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2015*

## 1.2 BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN

Merujuk Carta 1.2, sebanyak 138,279 unit rumah telah diluluskan pembinaan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 95% (130,868 unit rumah) adalah kelulusan bagi pembinaan unit rumah kategori kos tinggi. Kelulusan pembinaan bagi unit rumah kos sederhana adalah sebanyak 3% (3,890 unit rumah) dan kos rendah adalah sebanyak 1% (2,168 unit rumah). Permohonan pembinaan bagi unit rumah kos sederhana rendah yang diluluskan oleh JPN adalah yang terendah dicatatkan iaitu sebanyak 1% (1,353 unit rumah).



**CARTA 1.2: UNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN PEMBINAAN BAGI TAHUN 2015**

*Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2015*

Jadual 1.3 menunjukkan bilangan unit rumah yang diluluskan pembinaan bagi tahun 2015.


BULAN	KOS RENDAH (Kurang daripada RM 42,000)	KOS SEDERHANA RENDAH (RM 42,001 - RM 70,000)	KOS SEDERHANA (RM 70,001 - RM 100,000)	KOS TINGGI (Melebihi RM 100,000)	JUMLAH
<b>JANUARI</b>	504	135	258	10,614	<b>11,511</b>
<b>FEBRUARI</b>	0	0	0	2,374	<b>2,374</b>
<b>MAC</b>	522	554	1,004	16,307	<b>18,387</b>
<b>APRIL</b>	46	108	137	13,229	<b>13,520</b>
<b>MEI</b>	0	102	6	21,009	<b>21,117</b>
<b>JUN</b>	84	0	0	14,441	<b>14,525</b>
<b>JULAI</b>	49	0	0	13,716	<b>13,765</b>
<b>OGOS</b>	0	0	81	3,897	<b>3,978</b>
<b>SEPTEMBER</b>	0	432	46	6,350	<b>6,828</b>
<b>OKTOBER</b>	13	777	84	8,510	<b>9,384</b>
<b>NOVEMBER</b>	17	16	18	12,993	<b>13,044</b>
<b>DISEMBER</b>	118	44	2,256	7,428	<b>9,846</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,353</b>	<b>2,168</b>	<b>3,890</b>	<b>130,868</b>	<b>138,279</b>

**JADUAL 1.3: BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN BAGI TAHUN 2015**

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2015

r : data dari Januari 2014 hingga Disember 2014 telah disemak semula

Carta 1.3 menunjukkan kelulusan bagi pembinaan rumah dari tahun 2010 hingga 2015. Berdasarkan carta tersebut, kelulusan bagi pembinaan rumah kos tinggi sepanjang tempoh 6 tahun adalah yang tertinggi dicatatkan berbanding kelulusan unit rumah bagi kategori-kategori lain. Ini menunjukkan majoriti pemaju memohon untuk membina unit rumah kos tinggi berbanding unit rumah bagi kategori lain.



**CARTA 1.3: BILANGAN UNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN PEMBINAAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2015

## 2.0 PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

### 2.1 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT

Pada 31 Disember 2015, terdapat sebanyak 3,888 projek perumahan swasta yang melibatkan 530,047 unit rumah yang dilesenkan oleh JPN sedang dimajukan di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 94.8% (3,687 projek) adalah dalam kategori lancar manakala peratusan bagi projek perumahan yang dikategorikan sebagai lewat adalah sebanyak 1.3% (51 projek). Bagi projek yang dikategorikan sebagai sakit pula, peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 3.85% (150 projek).

STATUS PROJEK	BILANGAN PROJEK
LANCAR	3,687
LEWAT	51
SAKIT	150
JUMLAH	3,888

**JADUAL 2.1: STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT, 2015**

*Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2015*

## **2.2 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT MENGIKUT NEGERI**

Secara keseluruhannya, majoriti projek perumahan swasta yang dimajukan di Semenanjung Malaysia adalah dalam kategori lancar. Jumlah projek perumahan yang dikategorikan sebagai lewat dan sakit adalah dalam jumlah yang kecil iaitu sebanyak 201 projek jika dibandingkan dengan 3,687 jumlah keseluruhan projek perumahan swasta yang sedang dimajukan oleh pemaju di Semenanjung Malaysia.

Merujuk Jadual 2.1, didapati projek perumahan swasta yang dimajukan di Negeri Selangor pada tahun 2015 adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu melibatkan 863 projek perumahan. Jumlah ini merangkumi pembinaan sebanyak 148,350 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 64,074 unit rumah telah dijual kepada pembeli.

Selain itu, Negeri Johor dan Pahang juga merupakan antara negeri yang mencatatkan jumlah pemajuan projek perumahan swasta yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Di Negeri Johor, terdapat sebanyak 587 projek (120,624 unit rumah) sedang dimajukan manakala di Negeri Pahang terdapat sebanyak 472 projek perumahan swasta sedang dimajukan.

NEGERI	LANCAR			LEWAT			SAKIT		
	BIL. PROJEK	UNIT DIBINA	UNIT DIJUAL	BIL. PROJEK	UNIT DIBINA	UNIT DIJUAL	BIL. PROJEK	UNIT DIBINA	UNIT DIJUAL
Johor	587	120,624	44,603	8	3,501	1,697	15	3,300	2,612
Kedah	373	19,773	5,978	3	250	38	3	102	65
Kelantan	74	5,684	1,804	5	960	277	11	1,009	689
Melaka	154	17,801	10,106	0	0	0	4	86	64
Negeri Sembilan	156	18,000	9,191	0	0	0	5	394	379
Pahang	472	12,774	3,998	6	312	86	6	961	601
Perak	393	27,668	11,223	3	237	73	26	2,159	1,519
Perlis	31	1,293	661	0	0	0	0	0	0
Pulau Pinang	257	41,957	16,112	5	943	754	3	589	287
Selangor	863	148,350	64,074	18	4,215	3,165	66	15,109	9,310
Terengganu	96	13,961	6,838	0	0	0	3	299	260
W.P. Kuala Lumpur	231	61,990	32,948	3	2,996	2,005	8	2,851	1,979
<b>JUMLAH</b>	<b>3,687</b>	<b>489,774</b>	<b>207,536</b>	<b>51</b>	<b>13,414</b>	<b>8,095</b>	<b>150</b>	<b>26,859</b>	<b>17,765</b>

**JADUAL 2.2: PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT MENGIKUT NEGERI, 2015**


*Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2015*

### 3.0 PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

#### 3.1 STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

Sebanyak 11 projek baru telah diisytiharkan sebagai projek terbengkalai sepanjang tahun 2015. Ini menjadikan jumlah projek terbengkalai meningkat kepada 63 projek daripada 52 projek yang disenaraikan pada Januari 2014.

Daripada 63 projek tersebut, sebanyak 49.0% (31 projek) sedang di peringkat awal perancangan untuk pemulihan, 27.0% (17 projek) masih dalam proses pemulihan dan 24.0% (15 projek) telah selesai dan dikeluarkan daripada senarai projek perumahan terbengkalai. Butiran lanjut adalah seperti di Carta 3.1 dan Jadual 3.1.



**CARTA 3.1: STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI, 2015**

*Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2015*


<b>STATUS</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
<b>PERANCANGAN AWAL</b>	31	7,148	4,721
<b>SEDANG DIPULIHKAN</b>	17	5,941	4,282
<b>SIAP/ SELESAI</b>	15	3,330	2,462
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>16,419</b>	<b>11,465</b>

**JADUAL 3.1: STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI, 2015**

*Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2015*

Carta 3.2 menunjukkan status keseluruhan projek perumahan terbengkalai dari tahun 2009 hingga 2015. Berdasarkan carta tersebut, jumlah projek terbengkalai menunjukkan penurunan setiap tahun dan pertambahan jumlah projek yang baru yang disenaraikan terbengkalai dari tahun 2009 hingga 2015 adalah tidak tinggi. Namun begitu, pertambahan projek terbengkalai yang baru pada tahun 2013 mencatatkan pertambahan yang agak tinggi sehingga menjadi 27 projek. Pada tahun 2014 projek baru terbengkalai adalah rendah iaitu 11 projek berbanding tahun 2013.

Bilangan projek terbengkalai pada tahun 2015 mencatatkan jumlah yang terendah sepanjang tempoh 6 tahun iaitu sebanyak 52 projek sedia ada dan pertambahan 11 projek baru. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 projek telah diselesaikan/siap.



**CARTA 3.2: STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DARI TAHUN 2009 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2015*

### 3.2 PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI

Berdasarkan Jadual 3.2, jumlah projek terbengkalai di Negeri Selangor adalah tertinggi dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 24 projek. Jumlah ini melibatkan 7,856 unit rumah dan 5,366 pembeli. Ini diikuti oleh Negeri Johor sebanyak 9 projek (2,868 unit rumah dan 2,101 pembeli).

NEGERI	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
JOHOR	9	2,868	2,101
KEDAH	2	765	169
KELANTAN	4	289	263
MELAKA	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	4	973	807
PAHANG	6	812	634
PERAK	9	962	600
PERLIS	0	0	0
PULAU PINANG	2	1,550	1,337
SELANGOR	24	7,856	5,366
TERENGGANU	2	210	165
W.P. KUALA LUMPUR	1	134	23
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>16,419</b>	<b>11,465</b>

**JADUAL 3.2: PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI, 2015**

*Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2015*

Jadual 3.3 menunjukkan status keseluruhan projek perumahan terbengkalai mengikut negeri pada tahun 2015. Sebanyak 63 projek perumahan yang disenaraikan terbengkalai pada Januari 2015. Daripada jumlah tersebut, 24 projek adalah di Negeri Selangor, 9 projek di Negeri Johor dan 30 projek lagi adalah di negeri-negeri lain.

Bagi pertambahan projek terbengkalai baru, 3 projek adalah masing – masing di Kelantan dan Pahang, 2 projek di Selangor dan Terengganu dan 1 projek di Johor.

Daripada 15 projek perumahan terbengkalai yang diselesaikan/siap, 6 projek melibatkan projek perumahan terbengkalai di Selangor, 4 projek di Perak dan masing-masing 2 projek di Pahang dan Negeri Sembilan dan 1 projek di Kelantan.

Pemulihan sebanyak 15 projek terbengkalai sepanjang tahun 2015 menjadikan projek perumahan terbengkalai yang disenaraikan pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak 48 projek. Daripada jumlah tersebut, 18 projek melibatkan projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor, 9 projek di Negeri Johor dan baki sebanyak 21 projek adalah melibatkan projek-projek terbengkalai di negeri-negeri lain.

<b>NEGERI</b>	<b>PROJEK SEDIA ADA</b>	<b>PROJEK BARU</b>	<b>PROJEK DISELESAIKAN/SIAP</b>	<b>PROJEK SEMASA</b>
<b>JOHOR</b>	8	1	0	9
<b>KEDAH</b>	2	0	0	2
<b>KELANTAN</b>	1	3	1	3
<b>MELAKA</b>	0	0	0	0
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	4	0	2	2
<b>PAHANG</b>	3	3	2	4
<b>PERAK</b>	9	0	4	5
<b>PERLIS</b>	0	0	0	0
<b>PULAU PINANG</b>	2	0	0	2
<b>SELANGOR</b>	22	2	6	18
<b>TERENGGANU</b>	0	2	0	2
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	1	0	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>52</b>	<b>11</b>	<b>15</b>	<b>48</b>

**JADUAL 3.3: STATUS KESELURUHAN PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI, 2015**

*Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2015*

## 4.0 PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA

### 4.1 KOMPAUN

Secara keseluruhannya, seramai 5,048 pemaju telah dikenakan kompaun dalam tempoh 6 tahun (2010-2015). Ini melibatkan sejumlah 5,484 kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun pada tahun 2015 telah meningkat sebanyak 6.4% kepada 532 berbanding 500 yang dicatatkan pada tahun 2014. Selain itu, bilangan kesalahan yang dikenakan kompaun menunjukkan penurunan sebanyak 6.0% (37 kesalahan) berbanding tahun 2014.


Ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan yang semakin berkesan dan mantap melalui kecekapan pengkompauan serta pendakwaan telah berjaya menurunkan kompaun di kalangan pemaju. Pecahan bilangan pemaju dan kesalahan yang dikenakan kompaun mengikut tahun adalah seperti Jadual 4.1.

TAHUN	PEMAJU	BILANGAN KESALAHAN
2010	943	1,020
2011	1,455	1,504
2012	921	1,006
2013	697	761
2014	500	615
2015	532	578
<b>JUMLAH</b>	<b>5,048</b>	<b>5,484</b>

**JADUAL 4.1: BILANGAN KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2015*

Carta 4.1 menunjukkan trend bagi kutipan kompaun yang dicatatkan sepanjang 6 tahun (2010-2015). Bagi tempoh tersebut, kutipan kompaun pada tahun 2011 adalah tertinggi iaitu sebanyak RM 7,698,900. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penguatkuasaan terhadap pemaju yang gagal mengemukakan laporan kewangan beraudit tahunan. Kutipan kompaun pada tahun 2012 menunjukkan penurunan berbanding tahun 2011 dan penurunan ini berterusan sehingga 2013 iaitu masing-masing mencatatkan jumlah kutipan kompaun sebanyak RM 3,832,500 dan RM 3,514,000. Namun demikian, pada tahun 2015 pula penurunan yang banyak telah berlaku mencatatkan jumlah kutipan sebanyak RM1,961,300.



**CARTA 4.1: KUTIPAN KOMPAUN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2015*

Jadual 4.2 menunjukkan pengurangan jumlah kesalahan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan yang dilakukan oleh pemaju pada tahun 2015 berbanding 2014. Bagi tahun 2015, kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan di bawah Peraturan adalah seperti sub-peraturan 5(1A) iaitu kesalahan berkaitan pengiklanan dan penjualan perumahan yang tidak mengikut Permit Iklan dan Jualan seperti diluluskan oleh Pengawal Perumahan dan sub-peraturan 6(1) iaitu kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki. Bagi kesalahan di bawah Akta pula kebanyakan kesalahan adalah di bawah S7(e) iaitu kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan dan S7(f) iaitu kesalahan gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan.

TAHUN	KESALAHAN DI BAWAH AKTA DAN PERATURAN		JUMLAH
	PERATURAN	AKTA	
2010	209	811	1,020
2011	200	1,304	1,504
2012	148	858	1,006
2013	115	646	761
2014	272	343	615
2015	104	440	544
<b>JUMLAH</b>	<b>1,048</b>	<b>4,402</b>	<b>5,450</b>

**JADUAL 4.2: BILANGAN KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2015*

## 4.2 PENDAKWAAN

Sejumlah 2,068 kes baharu telah didaftarkan di mahkamah bagi pelbagai kesalahan di bawah peruntukan Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan yang dilakukan oleh pemaju perumahan sepanjang tempoh 5 tahun (2010-2014). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,032 kes telah diselesaikan dan 36 kes masih aktif.

Bagi tahun 2015, terdapat sebanyak 22 kes telah didaftarkan di mahkamah berbanding 140 kes pada tahun 2014. Selain itu, bilangan kes yang diselesaikan telah menurun kepada 59 kes berbanding 198 pada tahun 2014. Ini menjadikan jumlah kes yang masih aktif pada tahun 2014 adalah sebanyak 36 kes. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual 4.3.

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KES DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH</b>	<b>BILANGAN KES SELESAI</b>	<b>BILANGAN KES YANG MASIH AKTIF</b>
<b>2010</b>	533	533	0
<b>2011</b>	766	757	9
<b>2012</b>	369	274	104
<b>2013</b>	238	211	131
<b>2014</b>	140	198	73
<b>2015</b>	22	59	36
<b>JUMLAH</b>	<b>2,068</b>	<b>2,032</b>	<b>36</b>

**JADUAL 4.3: JUMLAH KES PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 118 DAN PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Undang-Undang, KPKT 2015*

Berdasarkan Jadual 4.4, sebanyak 3,707 kertas siasatan telah disediakan dari tahun 2010 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,838 kertas siasatan disediakan adalah bagi kesalahan di bawah Seksyen 16AD(1) iaitu kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan baki adalah di bawah pelbagai kesalahan lain yang berkaitan. Jumlah kertas siasatan yang disediakan pada tahun 2015 menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 43.9% (176 kertas siasatan) berbanding tahun 2014 sebanyak 401 kertas siasatan.

TAHUN	S.5(1)	S.16AD(1)	P.11	LAIN-LAIN	JUMLAH
2010	104	914	2	180	1,200
2011	29	580	1	226	836
2012	13	372	2	121	508
2013	3	450	4	80	537
2014	0	337	2	62	401
2015	0	185	0	40	225
<b>JUMLAH</b>	<b>149</b>	<b>2,838</b>	<b>11</b>	<b>709</b>	<b>3,707</b>

**JADUAL 4.4: PECAHAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISEDIAKAN MENGIKUT KESALAHAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2015*

*Nota : S – Subseksyen, P – Sub-peraturan*

*S.5(1): Kesalahan pemajuan perumahan tanpa lesen*

*S.16AD(1): Kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)*

*P.11: (1) Kesalahan kontrak jualan tidak mengikut Format Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta 118*

*(2) Kesalahan kutipan deposit tanpa menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli*

### 4.3 SENARAI HITAM

Jadual 4.5 menunjukkan seramai 996 pemaju dan 4,440 ahli lembaga pengarah telah disenarai hitam sehingga tahun 2015. Kesalahan yang paling

banyak dilakukan oleh pemaju adalah gagal membayar kompaun dan begitu juga kesalahan bagi ahli lembaga pengarah.

KRITERIA	BILANGAN PEMAJU	BIL. AHLI LEMBAGA PENGARAH
GAGAL MEMBAYAR KOMPAUN	320	1,606
INGKAR AWARD TTPR	303	1,294
PROJEK SAKIT	130	651
PROJEK TERBENGKALAI	150	757
PEMAJUAN TANPA LESEN	78	102
PEMAJU YANG DIDAKWA DAN DISABITKAN KESALAHAN DI MAHKAMAH (MELEBIHI RM 10,000)	15	30
<b>JUMLAH</b>	<b>996</b>	<b>4,440</b>

#### JADUAL 4.5: PEMAJU DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG DISENARAI HITAM, 2015

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2015

##### NOTA:

*\*Gagal membayar kompaun* : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana masih belum menjelaskan bayaran kompaun yang telah dikenakan oleh JPN.

*\* Ingkar Award TTPR* : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana tidak membayar pampasan kepada pembeli rumah. Award telah dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)


*\*Pemaju yang didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah (melebihi RM 10,000)* : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana telah dikenakan denda oleh pihak Mahkamah melebihi RM 10,000.

## 5.0 SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

### 5.1 PERMOHONAN DAN KELULUSAN

Berdasarkan Carta 5.1, permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) yang diterima di JPN semakin meningkat dari tahun ke tahun. Permohonan yang diterima pada tahun 2015 menunjukkan sedikit penurunan berbanding

tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2015, JPN telah menerima sebanyak 1,219 permohonan iaitu penurunan sebanyak 16.7% berbanding tahun 2014. Selain itu, jumlah permohonan yang diluluskan menunjukkan peningkatan pada tahun 2015. Bilangan permohonan SPP yang diluluskan JPN pada tahun 2015 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2014 dan yang tertinggi dicatatkan sepanjang tempoh 6 tahun (2010-2015) iaitu sebanyak 503 kelulusan.



**CARTA 5.1: PERMOHONAN SPP YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

Jadual 5.1 menunjukkan permohonan SPP yang diterima dan diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2015. Permohonan SPP bagi Negeri Kedah adalah yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 503 permohonan dan sebanyak 180 permohonan telah diluluskan. Ini diikuti oleh Negeri Kelantan yang mencatatkan bilangan permohonan sebanyak 296 permohonan dan bilangan kelulusan sebanyak 112 kelulusan.

NEGERI	BIL PERMOHONAN DITERIMA	BIL PERMOHONAN DILULUSKAN
Johor	192	80
Kedah	503	180
Kelantan	296	112
Melaka	12	7
Negeri Sembilan	56	26
Pahang	61	37
Perak	16	5
Perlis	17	22
Pulau Pinang	6	0
Selangor	24	1
Terengganu	30	33
WP. Kuala Lumpur	6	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1,219</b>	<b>503</b>

**JADUAL 5.1: PERMOHONAN SPP YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

*Nota: Bilangan kelulusan permohonan adalah berdasarkan permohonan yang diterima terdahulu.*


## 5.2 KUTIPAN BAYARAN

Kutipan bayaran SPP pada tahun 2015 adalah sebanyak RM4,648,959.40. Jumlah kutipan tersebut telah meningkat sebanyak 13.8% (RM564,498.04) berbanding tahun 2014. Bagi tempoh 6 tahun (2010-2016), kutipan bayaran SPP yang tertinggi dicatatkan adalah pada tahun 2011.

TAHUN	KUTIPAN (RM)
2010	5,257,597.68
2011	6,290,548.62
2012	5,535,388.19
2013	4,554,207.43
2014	4,084,461.36
2015	4,648,959.40
<b>JUMLAH</b>	<b>30,371,162.68</b>

**JADUAL 5.3: KUTIPAN BAYARAN SPP DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*



**CARTA 5.2: KUTIPAN BAYARAN PINJAMAN SPP DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

### 5.3 TUNGGAKAN BAYARAN

Berdasarkan Jadual 5.4, jumlah tunggakan SPP bagi tempoh 6 tahun (2010-2015) semakin menurun dari tahun ke tahun. Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan iaitu sebanyak RM541,488.89 bagi tunggakan bayaran SPP pada tahun 2015 menjadikan tunggakan terkumpul kepada RM **6,380,715.01**.

TAHUN	BILANGAN PEMINJAM	TUNGGAKAN (RM)
2010	2,698	8,865,537.18
2011	1,959	6,313,326.05
2012	1,801	5,495,764.75
2013	1,765	5,558,576.07
2014	1,724	5,839,226.12
2015	1,774	6,380,715.01
<b>JUMLAH</b>	11,721	38,453,145.18

**JADUAL 5.4: TUNGGAKAN BAYARAN SPP DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

Merujuk kepada Jadual 5.5, terdapat seramai 1,774 peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran pinjaman SPP. Daripada jumlah tersebut, seramai 741 peminjam mempunyai tunggakan sebanyak RM549,685.58 dalam tempoh kurang daripada 12 bulan. Bagi tempoh tunggakan 13 bulan hingga 36 bulan, seramai 460 peminjam terlibat dan jumlah tunggakan adalah sebanyak RM1,254,508.63. Bilangan peminjam yang mempunyai bayaran tertunggak bagi tempoh lebih daripada 37 bulan adalah seramai 573 orang yang melibatkan bayaran tertunggak sebanyak RM4,576,520.80.

TEMPOH TERTUNGGAK	BIL. PEMINJAM	JUMLAH TERTUNGGAK (RM)
12 BULAN DAN KE BAWAH	741	549,685.58
13 BULAN HINGGA 36 BULAN	460	1,254,508.63
37 BULAN DAN KE ATAS	573	4,576,520.80
<b>JUMLAH</b>	<b>1,774</b>	<b>6,380,715.01</b>

**JADUAL 5.5: TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT TEMPOH TERTUNGGAK, 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

## 5.4 PELELONGAN

Jadual 5.6 menunjukkan bilangan peminjam SPP dalam proses pelelongan mengikut negeri dari tahun 2010 hingga 2015. Seramai 1,675 peminjam telah diberi notis 16D iaitu notis kemungkiran mengenai suatu gadaian bagi tujuan pelelongan. Jumlah ini merangkumi 647 peminjam di Kelantan, 536 peminjam di Kedah, 275 peminjam di Perak dan selebihnya melibatkan peminjam-peminjam di negeri-negeri lain.

Selain itu, sejumlah 205 kes dalam proses siasatan manakala bilangan kes yang diselesaikan adalah sebanyak 462 kes.

NEGERI	FAILKAN LELONG	DALAM PROSES SIASATAN	KES SELESAI
JOHOR	78	4	28
KEDAH	536	108	130
KELANTAN	647	49	168
MELAKA	9	-	6
NEGERI SEMBILAN	11	-	4
PAHANG	55	1	18
PERAK	275	27	68
PERLIS	6	-	2
PULAU PINANG	-	-	-
SELANGOR	7	-	4
TERENGGANU	51	16	34
W.P. KUALA LUMPUR	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,675</b>	<b>205</b>	<b>462</b>

**JADUAL 5.6: BILANGAN PEMINJAM SPP DALAM PROSES PELELONGAN MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

## 6.0 PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT

### 6.1 STATUS KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2015, JPN telah dan sedang melaksanakan sebanyak 168 projek (102,951 unit) Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terdiri daripada 88 projek PPR Disewa (75,805 unit) dan 80 projek PPR Dimiliki (27,146 unit).

Bagi PPR Disewa, sejumlah 82 projek (72,479 unit) telah siap dibina dan 6 projek (3,326 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki, sebanyak 31 projek (7,773 unit) telah siap dengan kelulusan CFO/CCC manakala 21 projek (10,742 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Selain itu, terdapat 29 projek (8,631 unit) dalam peringkat perancangan.

PROGRAM	JUMLAH PROJEK		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN PADA 31 DISEMBER 2014		JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN PADA 31 DISEMBER 2014	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
<b>PPR Disewa</b>	88	75,805	82	72,479	6	3,326	0	0
<b>PPR Dimiliki</b>	80	27,146	31	7,773	21	10,742	29	8,631
<b>JUMLAH</b>	<b>168</b>	<b>102,951</b>	<b>113</b>	<b>80,252</b>	<b>27</b>	<b>14,068</b>	<b>29</b>	<b>8,631</b>

**JADUAL 6.1: STATUS KESELURUHAN PROJEK PPR, 2015**

*Sumber : Bahagian Pembangunan Perumahan, JPN 2015*

## 6.2 PROJEK PPR SIAP - DIMILIKI DAN DISEWA

Sejumlah 8 projek yang meliputi 5,061 unit PPR telah disiapkan pada tahun 2015. Jumlah ini merangkumi 4 projek PPR Dimiliki (3,221 unit) dan 4 projek (1,840 unit) PPR Disewa. Ini menjadikan jumlah keseluruhan projek PPR yang disiap dibina sehingga tahun 2015 ialah sebanyak 113 projek (80,252 unit).

Senarai projek PPR yang disiapkan pada tahun 2015 adalah seperti di Jadual 6.2


NEGERI	NAMA PROJEK	UNIT
<b>PPR DIMILIKI</b>		
<b>Pahang</b>	PPR Kg. Tekek, Tioman	116
<b>Sarawak</b>	PPR Lambir	505
<b>Sabah</b>	PPR Taman Harmoni	1,000
<b>Wilayah Persekutuan</b>	PPR Kepong, Kuala Lumpur	1,600
<b>PPR DISEWA</b>		
<b>Sabah</b>	PPR Kunak	400
	PPR Pekan Muhibbah	500
	PPR Bukit Padang	760
	PPR Batu Sapi	180
<b>JUMLAH</b>		<b>5,061</b>

### JADUAL 6.2: SENARAI PROJEK PPR YANG TELAH SIAP PADA TAHUN 2015

Sumber : Bahagian Pembangunan Perumahan, JPN 2015

### 6.3 STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Secara keseluruhannya, sebanyak 70,273 unit PPR Disewa telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pengisian. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 88% (62,189 unit) PPR Disewa telah diduduki manakala 12% (8,084 unit) lagi adalah unit yang masih kosong dan dalam peringkat pengisian. Sila rujuk Carta 6.1 dan Jadual 6.3.



**CARTA 6.1: PERATUSAN PENGISIAN PPR DISEWA, 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*


NEGERI	SIAP	DISERAH	DIDUDUKI	KOSONG
	(UNIT)	(UNIT)	(UNIT)	(UNIT)
<b>Johor</b>	8,278	8,278	6,117	2,161
<b>Kedah</b>	1,894	1,894	1,847	47
<b>Kelantan</b>	0	0	0	0
<b>Melaka</b>	336	0	0	0
<b>Negeri Sembilan</b>	570	420	415	5
<b>Pahang</b>	0	0	0	0
<b>Perak</b>	915	915	915	0
<b>Perlis</b>	1,428	1,428	1,197	231
<b>Pulau Pinang</b>	698	698	695	3
<b>Sabah</b>	16,396	14,956	13,534	1,422
<b>Sarawak</b>	3,016	3,016	2,852	164
<b>Selangor</b>	5,184	3,304	2,852	452
<b>Terengganu</b>	1,002	1,002	967	35
<b>W.P. Kuala Lumpur</b>	32,762	34,362	30,798	3,564
<b>JUMLAH</b>	<b>72,479</b>	<b>70,273</b>	<b>62,189</b>	<b>8,084</b>

**JADUAL 6.3: PERINCIAN PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI, 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

#### 6.4 STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Carta 6.2 menunjukkan peratusan bagi penjualan PPR di negeri Pahang dan Kelantan. Sejumlah 4,668 unit PPR Dimiliki telah diserahkan Kerajaan Negeri Pahang untuk tujuan pengisian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 72% (3,375 unit) telah ditawarkan kepada pembeli dan Perjanjian Jual Beli juga telah ditandatangani. Sebanyak 28% (1,293 unit) masih dalam proses penjualan. Perincian bagi penjualan PPR Dimiliki mengikut projek adalah seperti Jadual 6.4.



**CARTA 6.2: PERATUSAN PENJUALAN PPR DIMILIKI, 2015**

*Sumber : Bahagian Pembangunan Perumahan, JPN 2015*

BIL.	PROJEK PPR (M)	JUMLAH UNIT	BIL. UNIT DIJUAL	BIL. UNIT KOSONG
<b>Daerah Rompin / Rompin District</b>				
1	Muadzam Shah	150	150	0
2	Parit Raja	150	150	0
3	Leban Chondong	100	100	0
4	Kg. Tekek, Tioman	116	0	116
<b>Daerah Lipis / Lipis District</b>				
5	Kerambit	100	100	0
6	Padang Tengku	100	100	0
<b>Daerah Maran / Maran District</b>				
7	Jengka	300	300	0
8	Sri Jaya*	150	150	0
<b>Daerah Bera / Bera District</b>				
9	Bukit Mendi	150	150	0
<b>Daerah Raub / Raub District</b>				
10	Batu 17, Tersang	150	150	0
11	Tanjung Putus	100	100	0
<b>Daerah Temerloh / Temerloh District</b>				
12	Bolok Hilir	150	150	0
13	Pamah Kaseh	150	150	0
14	Paya Sok	100	100	0
<b>Daerah Pekan / Pekan District</b>				
15	Tg. Agas	150	150	0
16	Paloh Hinai	150	150	0
17	Kuala Pahang Fasa I	318	318	0
18	Kuala Pahang Fasa II	32	32	0
19	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0
20	Tg. Selangor Fasa II	62	62	0
21	Tg. Batu	150	150	0
22	Pandan Luar, Nenasi	164	116	48
<b>Daerah Kuantan / Kuantan District</b>				
23	Kg. Hijrah	150	150	0
24	Kg. Baru Gambang	150	150	0
<b>Daerah Jerantut / Jerantut District</b>				
25	Ibol Tunggal	100	100	0
26	Jerantut	47	47	0
<b>Daerah Bentong / Jerantut District</b>				
27	PPR (M) Simpang Pelangai	129	0	129
<b>Daerah Gua Musang/ Gua Musang District</b>				
28	PPR GUA MUSANG	1000	0	1000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4,668</b>	<b>3,375</b>	<b>1,293</b>


**JADUAL 6.4: PERINCIAN PENJUALAN PPR DIMILIKI DI NEGERI PAHANG, 2015**

*Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN 2015*

## 7.0 PENGURUSAN ADUAN

### 7.1 BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA

Sepanjang tahun 2015, terdapat sejumlah 1,221 aduan telah diterima JPN. Daripada jumlah tersebut, kesemua aduan iaitu 100% (1,221 aduan) telah berjaya diselesaikan.



**CARTA 7.1: BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN BAGI TAHUN 2015**

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat, KPKT 2015*

## 7.2 JENIS ADUAN PERUMAHAN

Jadual 7.1 menunjukkan jenis aduan yang diterima JPN. Pada tahun 2015, terdapat 1,221 aduan yang diterima oleh JPN. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 918 adalah aduan yang berkaitan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] manakala 303 aduan lagi melibatkan aduan-aduan lain.

JENIS ADUAN	JUMLAH DITERIMA	JUMLAH DISELESAIKAN
<b>AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 [AKTA 118]</b>	918	918
<b>LAIN - LAIN ADUAN BERKAITAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR), PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN, SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP) DAN SEBAGAINYA</b>	303	303
<b>JUMLAH</b>	<b>1,221</b>	<b>1,221</b>

**JADUAL 7.1: JENIS ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA BAGI TAHUN 2015**

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat, KPKT 2015*

### 7.3 ADUAN YANG DITERIMA BERKAITAN AKTA 118

Secara keseluruhannya, aduan yang paling banyak diterima berkaitan Akta 118 adalah melibatkan aduan berkaitan perjanjian jual beli iaitu sebanyak 326 aduan. Daripada jumlah tersebut, 326 aduan telah berjaya diselesaikan.

Selain itu, aduan kedua tertinggi yang diterima oleh JPN ialah aduan berkaitan kecacatan mutu kerja iaitu sebanyak 294 aduan. Kesemua aduan tersebut telah diselesaikan. Pecahan bagi jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan mengikut jenis aduan adalah seperti Jadual 7.2.

JENIS ADUAN	JUMLAH	DISELESAIKAN
ADUAN BERKAITAN LESEN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN	130	130
KECACATAN MUTU KERJA	294	294
ADUAN MELIBATKAN AGENSI LAIN	0	0
INGKAR AWARD	20	20
PELBAGAI ADUAN BERKAITAN PERJANJIAN JUAL BELI	326	326
ADUAN-ADUAN LAIN	59	59
SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CFO)/PERAKUAN SIAP/PEMATUHAN CCC	15	15
PROJEK BERMASALAH (SAKIT/LEWAT)	9	9
HAK MILIK (INDIVIDU/STRATA) DAN BEBANAN TANAH	39	39
INFRASTRUKTUR (AIR/ELEKTRIK/JALAN MASUK)	42	42
PROJEK TERBENGKALAI	3	3
PENYENGGARAAN/PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA	6	6
<b>JUMLAH</b>	<b>943</b>	<b>943</b>


**JADUAL 7.2: JENIS ADUAN YANG DITERIMA DI BAWAH AKTA 118 BAGI TAHUN 2015**

*Sumber : Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2015*

## 7.4 SALURAN ADUAN YANG DITERIMA

JPN telah mewujudkan pelbagai saluran aduan untuk orang awam bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan. Secara keseluruhannya, aduan yang paling banyak diterima adalah melalui laman web rasmi JPN iaitu sebanyak 877 aduan. Aduan yang paling sedikit diterima ialah melalui lain-lain iaitu hanya 6 aduan sahaja diterima. Lain-lain saluran aduan adalah merujuk kepada aduan yang diterima melalui 1MOCC, Pengurusan Tertinggi dan *Facebook* .

Pecahan bagi jumlah aduan yang diterima melalui saluran-saluran yang disediakan adalah seperti carta 7.2.



**CARTA 7.2: BILANGAN ADUAN PERUMAHAN DITERIMA MENGIKUT SALURAN DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2015**

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat, KPKT 2015*